Federick Walta Ngu lwn Lembaga Pencegahan Jenayah dan lain-lain

A

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–352–11 TAHUN 2020
HASBULLAH ADAM PK
17 MEI 2021

B

Tahanan Pencegahan — Perintah tahanan — Permohonan untuk habeas corpus — Kesahan representasi kepada Lembaga Penasihat — Sama ada pemohon dinafikan hak untuk mendapatkan pendengaran adil — Sama ada terdapat pelanggaran perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan apabila pemohon gagal dibekalkan salinan rakaman percakapan pemohon — Sama ada terdapat kelewatan yang melampau dalam mengemukakan laporan lengkap siasatan — Sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur dengan kehadiran pegawai polis semasa pendengaran representasi

C

D

Ini adalah suatu permohonan untuk satu writ habeas corpus terhadap penahanan pemohon menurut perintah tahanan bertarikh 8 September 2020 ('perintah tahanan') yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah di bawah s 19A(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('POCA') yang memerintahkan agar pemohon ditahan selama dua tahun bermula 8 September 2020 di Pusat Pemulihan Khas, Simpang Renggam, Kluang, Johor ('PPK Simpang Renggam'). Pemohon telah ditangkap pada 18 Julai 2020 di bawah sub-s 3(1) POCA dan pada 19 Julai 2020, suatu perintah reman bagi maksud siasatan telah dikeluarkan ke atas pemohon bagi penahanan selama 21 hari mulai daripada 19 Julai 2020 hingga 8 Ogos 2020 ('perintah reman pertama') di bawah sub-s 4(1)(a) POCA. Pada 6 Ogos 2020, suatu perintah reman lagi dikeluarkan ke atas pemohon bagi penahanan selama 38 hari mulai daripada 6 Jun 2020 hingga 12 September 2020 ('perintah reman kedua') di bawah sub-s 4(2)(a) POCA bagi tujuan siasatan di bawah s 9 POCA. Laporan lengkap penyiasatan oleh pegawai penyiasat fail kes telah dikemukakan kepada pegawai siasatan pada 5 Ogos 2020 manakala Lembaga Pencegahan Jenayah telah menerima laporan lengkap penyiasatan tersebut pada 11 Ogos 2020. Pada 8 September 2020, Lembaga Pencegahan Jenayah telah bersidang dan memutuskan untuk mengeluarkan suatu perintah tahanan ke atas pemohon selama dua tahun di PPK Simpang Renggam. Pemohon telah mengemukakan satu representasi terhadap perintah tahanan tersebut di bawah subperaturan 3(2) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 ('Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat') yang mana pendengaran representasi pemohon telah berjalan pada 2 November 2020. Setelah mempertimbangkan syor Lembaga Penasihat, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan agar perintah tahanan pemohon diteruskan.

E

F

G

H

I

Justeru, pemohon telah memohon ke Mahkamah Tinggi untuk writ habeas corpus atas alasan bahawa penahanannya adalah tidak sah disebabkan: (a) pemohon tidak mendapat pendengaran yang adil kerana saksi-saksi yang dipohon olehnya tidak dikemukakan sewaktu pendengaran representasi; (b) terdapat ketidakpatuhan peraturan 5(4) Peraturan-Peraturan 2014 apabila Lembaga Penasihat, sewaktu mendengar representasi, dibantu oleh seorang pegawai polis yang bertugas sebagai pembentang fakta kes; (c) terdapat pelanggaran terhadap perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan apabila pemohon tidak dibekal dengan salinan rakaman percakapannya sebelum pendengaran representasi; dan (d) pemohon diprejudis oleh tempoh masa 23 hari yang diambil oleh pegawai penyiasat untuk menyerahkan laporan lengkap kepada Lembaga Pencegahan Jenayah. Disebaliknya, responden-responden menghujahkan bahawa: (i) peruntukan POCA, Peraturan-Peraturan 2014 dan Perlembagaan Persekutuan tidak dilanggar; (ii) pegawai polis tersebut hanya bertindak sebagai pembentang fakta kes; dan (iii) salinan rakaman percakapan pemohon tidak dibekalkan kepada pemohon kerana boleh menjejas kepentingan awam dan perlindungan saksi di bawah s 21A POCA.

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Peruntukan peraturan 8A dalam Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat hanya memberikan kuasa dan budi bicara kepada Lembaga Penasihat bagi membolehkan memanggil atau memeriksa mana-mana saksi. Peraturan 8A tidak mewujudkan suatu prosedur mandatori ke atas Lembaga Penasihat untuk mengeluarkan sapina kepada mana-mana saksi yang dipohon oleh pemohon tetapi adalah menjadi tugas pemohon sendiri untuk memastikan kehadiran saksi yang ingin dipanggil oleh pemohon. Tidak timbul sama sekali isu perlanggaran hak pemohon untuk membuat representasi menurut perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Justeru, isu penolakan pengeluaran sapina oleh Lembaga Penasihat tersebut bukanlah suatu perlanggaran hak pemohon untuk membuat representasi atau ketidakpatuhan prosedur dan oleh yang demikian alasan tersebut tidak bermerit (lihat perenggan 30, 33 & 35–36).

(2) Berdasarkan kepada alasan serta penjelasan yang diberikan, mahkamah berpuas hati dan mendapati bahawa tempoh masa 23 hari yang diambil bagi mengemukakan laporan lengkap kepada Lembaga Pencegahan Jenayah tersebut bukanlah merupakan kelewatan yang melampau (*inordinate delay*) di mana penjelasan yang mencukupi (*satisfactory explanation*) telah diberikan sewajarnya. Justeru, mahkamah mendapati bahawa isu kelewatan 23 hari untuk mengemukakan laporan lengkap oleh pegawai penyiasat fail kes kepada Lembaga Pencegahan Jenayah adalah tidak mempunyai merit (lihat perenggan 42 & 44).

(3) Peraturan 9(2)(b) Peraturan-Peraturan 2014 memperuntukkan bahawa Lembaga Penasihat mempunyai budi bicara untuk membenarkan kehadiran mana-mana pegawai polis dalam pendengaran representasi dengan mengambil kira keselamatan, kepentingan awam atau keperluan untuk melindungi seseorang saksi, keluarga atau sekutu saksi tersebut. Oleh itu, kehadiran seorang pegawai polis tersebut di persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon yang diadakan secara tertutup (in camera) tidak termasuk dalam peruntukan spesifik peraturan 5(2) dan (4) Peraturan-Peraturan 2014 yang menggariskan siapa yang boleh hadir dalam persidangan tersebut atas budi bicara Lembaga Penasihat. Maka kehadiran pegawai polis tersebut selaku pegawai pengendali dalam persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon telah mewujudkan suatu prosedur bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Maka mahkamah memutuskan isu ketidakpatuhan prosedur apabila Lembaga Penasihat membenarkan kehadiran seorang pegawai pengendali polis dalam persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon adalah mempunyai merit (lihat perenggan 51 & 53– 54).

(4) Penolakan permohonan pemohon supaya dibekalkan dengan sesalinan rakaman percakapannya sendiri atas alasan boleh menjejaskan kepentingan awam atau suatu kompromi ke atas perlindungan saksi di bawah s 21A POCA adalah tidak munasabah dan suatu retorik. Tiada penjelasan yang diberikan oleh pihak responden bagi memperkukuhkan alasan tersebut. Oleh yang demikian, setelah mengambil kira peruntukan perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan peraturan 5 Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat, mahakamah merumuskan bahawa kegagalan membekalkan sesalinan rakaman percakapan pemohon sebagai suatu perlanggaran prosedur yang membenarkan pemohon membuat representasi secara teratur dan isu ini mempunyai merit. Walaupun terdapat hanya dua isu yang mempunyai merit, namun ia sudah memadai bagi mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan permohonan pemohon untuk satu writ habeas corpus dikeluarkan dan pemohon dilepaskan serta merta (lihat perenggan 60–62).

[English summary

This was an application for a writ of habeas corpus against the applicant's detention pursuant to a detention order dated 8 September 2020 ('the detention order') issued by the Crime Prevention Board under s 19A(1) of the Prevention of Crime Act 1959 ('the POCA') which ordered that the applicant was detained for two years from 8 September 2020 at the Special Rehabilitation Center, Simpang Renggam, Kluang, Johor ('PPK Simpang Renggam'). The applicant was arrested on 18 July 2020 under sub-s 3(1) of the POCA and on 19 July 2020, a remand order for the purpose of investigation was issued against the applicant for 21 days detention from 19 July 2020 to 8 August 2020

('first remand order') under sub-s 4(1)(a) of the POCA. On 6 August 2020, a further remand order was issued on the applicant for 38 days detention from 6 June 2020 to 12 September 2020 ('second remand order') under sub-s 4(2)(a) of the POCA for investigation purposes under s 9 of POCA. The complete investigation report by the investigating officer of the case file was submitted to the investigating officer on 5 August 2020 while the Crime Prevention Board received the complete investigation report on 11 August 2020. On 8 September 2020, the Crime Prevention Board convened and decided to issue a detention order against the applicant for two years at PPK Simpang Renggam. The applicant has submitted a representation against the said detention order under sub-reg 3(2) of the Prevention of Crime (Advisory Board Procedure) Regulations 2014 ('Advisory Board Procedure Regulations') in which the hearing of the applicant's representation took place on 2 November 2020. After considering the recommendation of The Advisory Board, Yang di-Pertuan Agong assented that the applicant's detentions order to be continued. Accordingly, the applicant applied to the High Court for a writ of habeas corpus on the ground that his detention was invalid due to: (a) the applicant was not getting a fair hearing because the witnesses called by him were not presented during the representation hearing; (b) there was a non-compliance with reg 5(4) of the 2014 Regulations when the Advisory Board, during the representation hearing, was assisted by a police officer who was acting as the presenter of the facts of the case; (c) there is a violation of art 151(1)(a) of the Federal Constitution when the applicant is not provided with a copy of the recording of his statement before the representation hearing; and (d) the applicant was prejudiced for 23 days taken by the investigating officer to submit a complete report to the Crime Prevention Board. On the other hand, the respondents argued that: (i) the provisions of the POCA, the 2014 Regulations and the Federal Constitution were not violated; (ii) the police officer was only acting as a presenter of the facts of the case; and (iii) a copy of the recording of the applicant's statement was not supplied to the applicant as it could affect the public interest and protection of witnesses under s 21A of POCA.

Held, allowing the application:

(1) The provisions of rule 8A in the Advisory Board Procedure Regulations only give power and discretion to the Advisory Board to enable the calling or examination of any witness. Rule 8A does not establish a mandatory procedure on the Advisory Board to issue subpoenas to any witness applied for by the applicant but it was the obligation of the applicant himself to ensure the presence of witnesses whom the applicant wishes to call. The issue of violation of the applicant's right to make representations under art 151 of the Federal Constitution does not arise at all. Thus, the issue of refusal to issue a subpoena by the Advisory Board is not a violation of the applicant's right to make representations or

procedural non-compliance and therefore the grounds are without merit (see paras 30, 33 & 35–36).

(2) Based on the reasons and explanations given, the court was satisfied and found that the period of 23 days taken to submit a complete report to the Crime Prevention Board is not an inordinate delay where a satisfactory explanation has been given accordingly. Thus, the court found that the issue of a 23 days delay in submitting a complete report by the investigating officer of the case file to the Crime Prevention Board was without merit (see paras 42 & 44).

(3) Rule 9(2)(b) of the 2014 Regulations provides that the Advisory Board has the discretion to allow the presence of any police officer at a representation hearing having regard to safety, public interest or the need to protect a witness, family or associate of the witness. Therefore, the presence of a police officer at the Advisory Board proceeding to hear the applicant's representation held in closed (in camera) was not included in the specific provisions of reg 5(2) and (4) of the 2014 Regulations which outlines who can attend the proceeding based on the discretion of the Advisory Board. Therefore, the presence of the police officer as the operating officer in the Advisory Board proceeding to hear the representation of the applicant has created a procedure contrary to the provisions of existing law. Thus the court decided the issue of procedural non-compliance when the Advisory Board allowed the presence of a police operating officer in the Advisory Board conference to hear the applicant's representation was of merit (see paras 51 & 53–54).

(4) The refusal of the applicant's application to be provided with a copy of a recording of his own statement on the ground that it could prejudice the public interest or a compromise on the protection of witnesses under s 21A of POCA was unreasonable and a rhetoric. No explanation was given by the respondents to strengthen the reason. Therefore, after taking into account the provisions of art 51(1)(a) of the Federal Constitution and reg 5 of the Advisory Board Procedure Regulations, the court concluded that failure to supply a copy of a recorded statement of the applicant was a breach of procedure which allowed the applicant to make regular representations and this issue has merit. Although there were only two issues that has merit, it was sufficient for this court to decide to allow the applicant's application for a writ of habeas corpus to be issued and the applicant to be released immediately (see paras 60–62).]

Kes-kes yang dirujuk

Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2020] 1 MLJ 351; [2020] 1 CLJ 747, MP (dibeza)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] MLJU 667; [2005] 3 CLJ 914, MP (dirujuk)

Lim Wen Jeng v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 1 MLJ 445; [2009] 1 CLJ 686, MP (dirujuk)
Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Jenayah 1959 ss 3(1), 4(1)(a), (2)(a), 4A, 9, 10A(2)(a), 12(1), 15B, 19(1), 19A(1), 21A
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 54(2)
Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 s 9
Kanun Tatacara Jenayah s 365, Bab XXXVI
Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 peraturan 3, 3(2), 4, 5, 5(1), (2), (4), 7, 8A, 9(2)(b), 11(1), Borang 1, 2
Perlembagaan Persekutuan perkara 5, 5(2), 8, 149, 151, 151(1), (1)(a), (2)

N Sivananthan (Grace S Nathan bersamanya) (Sivananthan) bagi pihak pemohon.
Muhamad Safuan bin Azhar (Farasyeriza bt Md Zabani dan Nuur Izham bin Ismail bersamanya) (Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri Malaysia) bagi pihak responden.

Hasbullah Adam PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah suatu permohonan untuk satu writ habeas corpus terhadap penahanan pemohon menurut perintah tahanan bertarikh 8 September 2020 ('perintah tahanan') yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah di bawah s 19A(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('POCA') yang memerintahkan agar Pemohon ditahan selama dua tahun bermula 8 September 2020 di Pusat Pemulihan Khas, Simpang Renggam, Kluang, Johor ('PPK Simpang Renggam').

[2] Mahkamah ini pada 16 April 2021 telah mendapati bahawa terdapat merit dalam permohonan ini dan oleh yang demikian telah membenarkan satu writ habeas corpus dikeluarkan dan pemohon hendaklah dilepaskan serta merta.

[3] Terkilan dengan keputusan mahkamah ini, pihak responden telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 10 Mei 2021.

LATAR BELAKANG KES

[4] Federick Walta Ngu ('pemohon') telah ditangkap pada 18 Julai 2020 di bawah sub-s 3(1) POCA oleh Inspektor Polis Muhamad Nur Zhafri bin Muhamad Saad di Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, Masai, Johor.

[5] Seterusnya pada 19 Julai 2020, suatu perintah reman bagi maksud siasatan telah dikeluarkan ke atas pemohon bagi penahanan selama 21 hari mulai daripada 19 Julai 2020 hingga 8 Ogos 2020 ('perintah reman pertama') di bawah sub-s 4(1)(a) POCA. Inspektor Polis Govindkumar a/l Sevalingam merupakan pegawai penyiasat fail kes ke atas pemohon.

[6] Pada 6 Ogos 2020, suatu perintah reman lagi dikeluarkan ke atas pemohon bagi penahanan selama 38 hari mulai daripada 6 Jun 2020 hingga 12 September 2020 ('perintah reman kedua') di bawah sub-s 4(2)(a) POCA bagi tujuan siasatan di bawah s 9 POCA. Walau bagaimanapun, penelitian mahkamah ini ke atas waran menahan yang dikeluarkan oleh majistret bagi perintah reman kedua tersebut (rujuk eksh GS4 kepada afidavit jawapan oleh Inspektor Polis Govindkumar a/l Sevalingam) telah merujuk penahanan di bawah perintah reman kedua tersebut sebagai penahanan di bawah 's 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297)' yang mana sepatutnya adalah merujuk kepada peruntukan sub-s 4(2)(a).

[7] Laporan lengkap penyiasatan oleh pegawai penyiasat fail kes telah dikemukakan kepada pegawai siasatan pada 5 Ogos 2020. Manakala Lembaga Pencegahan Jenayah telah menerima laporan lengkap penyiasatan tersebut pada 11 Ogos 2020.

[8] Seterusnya Lembaga Pencegahan Jenayah telah menerima laporan yang mengandungi alasan-alasan serta dapatan oleh pegawai siasatan pada 27 Ogos 2020.

[9] Lanjutan daripada itu, Lembaga Pencegahan Jenayah telah bersidang pada 7 September 2020 yang mengesahkan dapatan pegawai siasatan menurut perenggan 10A(2)(a) POCA dan berpuas hati supaya nama pemohon dimasukkan ke dalam daftar menurut sub-s 12(1) POCA.

[10] Pada 8 September 2020, Lembaga Pencegahan Jenayah telah bersidang sekali lagi dan memutuskan untuk mengeluarkan suatu perintah tahanan ke atas pemohon selama two tahun mulai daripada 8 September 2020 di PPK, Simpang Renggam (eksh ARS1 kepada afidavit jawapan Abdul Rasid bin Sudin).

[11] Pemohon seterusnya telah mengemukakan satu representasi terhadap perintah tahanan tersebut melalui Borang Representasi Berkaitan Dengan perintah tahanan ('Borang 1') di bawah sub-peraturan 3(2) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 ('Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat') yang telah diterima oleh Lembaga Penasihat melalui faksmili pada 9 September 2020 (eksh ZO1 kepada afidavit jawapan Zaharudin bin Osman).

[12] Lembaga Penasihat seterusnya telah mengeluarkan satu Notis Pendengaran Representasi ('Borang 2') di bawah sub-peraturan 5(1) Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat dan menetapkan tarikh persidangan untuk mendengar representasi tersebut pada 7 Oktober 2020 di PPK, Simpang Renggam.

[13] Walau bagaimanapun, di atas permohonan peguam pemohon semasa persidangan Lembaga Penasihat pada 7 Oktober 2020, pendengaran representasi pemohon telah ditangguhkan kepada 2 November 2020.

[14] Persidangan Lembaga Penasihat bagi pendengaran representasi pemohon telah berjalan pada 2 November 2020 dan setelah menimbangkan representasi pemohon, Lembaga Penasihat telah mengemukakan syor berkaitan dengan representasi pemohon tersebut kepada Yang di-Pertuan Agong pada 10 November 2020 menurut sub-peraturan 11(1) Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat tersebut.

[15] Setelah mempertimbangkan syor Lembaga Penasihat tersebut, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan agar perintah tahanan pemohon diteruskan.

ISU

[16] Empat isu telah dibangkitkan oleh pemohon sebagai alasan kepada permohonan ini seperti berikut:

(a) pemohon telah dinafikan hak beliau untuk mendapat 'a fair trial' apabila saksi-saksi yang dipohon oleh pemohon tidak dikemukakan di hadapan Lembaga Penasihat sekaligus menyebabkan keterangan saksi tersebut tidak dapat didengar ketika pendengaran representasi pemohon. Ini dikatakan bertentangan dengan peraturan 8A Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat dan perkara 151, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan;

(b) ketidakpatuhan prosedur di bawah peraturan 5(4) Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat apabila membenarkan seorang pegawai pengendali polis hadir dalam pendengaran representasi pemohon. Ini dikatakan

bertentangan dengan perkara 151(1) Perlembagaan Persekutuan;

(c) perlanggaran perkara 151(1)(a) apabila pemohon gagal dibekalkan dengan sesalinan rakaman percakapan pemohon sebelum pendengaran representasi pemohon; dan

(d) kelewatan 23 hari oleh pegawai penyiasat kes fail dalam mengemukakan laporan lengkap siasatan di bawah s 4A POCA kepada Lembaga Pencegahan Jenayah telah memprejudiskan pemohon.

UNDANG-UNDANG BERKAITAN

[17] Perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan dengan jelas kuasa Mahkamah Tinggi sekiranya ada pengaduan dibuat berkaitan dengan *penahanan seseorang yang menyalahi undang-undang* untuk menyiasat pengaduan itu dan melainkan sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa penahanan itu adalah sah, memerintahkan supaya orang itu di bawa ke hadapan mahkamah dan melepaskannya:

> Where a complaint is made to a High Court or any judge thereof that a person is being *unlawfully detained* the court shall inquire into the complaint and *unless satisfied that the detention is lawful, shall order him to be produced before the court and release him*. (Penekanan ditambah.)

[18] Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) juga melalui peruntukan-peruntukan di bawah Bab XXXVI menyatakan tentang *Directions of the Nature of a Habeas Corpus*. Secara khususnya s 365 memperuntukkan tentang kuasa mahkamah untuk mengadakan siasatan ke atas aduan seseorang yang *ditahan secara tidak sah* (*unlawfully detained*):

> The High Court may whenever it thinks fit *direct* —
>
> (a) that any person who:
>
> (i) is detained ...; or
>
> (ii) is alleged to be *illegally or improperly detained* in public or private custody within the limits of Malaysia,
>
> be *set at liberty*. (Penekanan ditambah.)

[19] Manakala POCA juga yang merupakan undang-undang di mana pemohon yang dikenakan perintah tahanan dalam kes ini, memperuntukkan di bawah s 15B seperti berikut:

> (1) Hendaklah *tidak ada semakan kehakiman* dalam mana-mana mahkamah mengenai, dan tiada mahkamah hendaklah ada atau melaksanakan apa-apa bidang kuasa berkaitan, apa-apa perbuatan yang dibuat atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga dalam pelaksanaan kuasa budi bicaranya menurut Akta ini, *kecuali berhubung dengan apa-apa persoalan*

A *mengenai pematuhan apa-apa kehendak tatacara dalam Akta ini yang mentadbir perbuatan ataukeputusan itu.*

(2) Dalam Akta ini, 'semakan kehakiman' termasuklah prosiding yang dimulakan dengan cara —

B (a) ...;

(b) ...:

(c) *suatu writ habeas corpus*; dan

(d) ... (Penekanan ditambah.)

C

[20] Secara rumusannya, berdasarkan segala peruntukan yang di atas, dalam sesuatu permohonan untuk writ habeas corpus terhadap perintah tahanan yang dibuat oleh Lembaga Pencegahan Jenayah, mahkamah tidak mempunyai atau melaksanakan bidang kuasa ke atas apa-apa tindakan atau keputusan yang D dibuat oleh Lembaga Pencegahan Jenayah dalam melaksanakan kuasa budi bicaranya di bawah POCA *melainkan tentang persoalan pematuhan ke atas apa-apa kehendak prosedur atau tatacara* (*compliance with any procedural requirement*).

E

[21] Di dalam sesuatu permohonan bagi writ habeas corpus juga, seseorang pemohon boleh mengambil peluang daripada apa-apa kelemahan atau kesilapan teknikal (*to take advantage of any technical defect*) yang mempunyai kesan membatalkan penahan tersebut. YA Wan Yahya SCJ di dalam kes *Ng* F *Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47 telah menyatakan dalam penghakimannya:

> In cases of this nature the appellant is nevertheless entitled to take advantage of any technical imperfection which has the effect of invalidating the restrictive order; or to use the precise words of Regby J in *Ex Parte Johannes Choeldi & Ors* [1960] 1 MLJ 184 at 186:
>
G > > The distinction, no doubt, is a highly artificial one. But this is an application for a writ of habeas corpus, and *the applicants in matters which concern their personal liberty, are entitled to avail themselves of any technical defects which may invalidate the order which deprives them of that liberty*. (Penekanan ditambah.)

H

[22] Di dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] MLJU 667; [2005] 3 CLJ 914, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan dalam ms 930 (CLJ) seperti berikut:

I > In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a habeas corpus application where the Detention Order of the Minister made under s 4(1) of the Ordinance or, for the matter, the equivalent sections in ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, *the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts*

should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement, then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance. (Penekanan ditambah.)

[23] Mahkamah ini juga mengguna pakai analogi yang sama dalam mempertimbangkan dan memutuskan permohonan writ habeas corpus terhadap perintah tahanan ke atas pemohon yang dibuat di bawah sub-s 19(1) POCA.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

[24] Setelah meneliti kepada afidavit sokongan kepada permohonan ini, afidavit-afidavit jawapan yang difailkan bagi pihak responden serta meneliti dan mendengar penghujahan pihak-pihak, mahkamah ini membuat analisa dan dapatan (*finding*) ke atas setiap isu yang dibangkitkan oleh pemohon mengikut urutan isu yang tidak mempunyai merit terlebih dahulu dan dikuti dengan isu yang mempunyai merit dalam permohonan ini.

Isu penafian hak pemohon mendapatkan 'fair trial' diatas kegagalan Lembaga Penasihat mengeluarkan sapina ke atas saksi-saksi yang dipohon

[25] Pemohon melalui surat peguamnya bertarikh 22 Januari 2020 telah memohon kepada Lembaga Penasihat supaya dikeluarkan sapina kepada tiga orang saksi polis dan dua orang tahanan reman seperti mana eksh FWN6 dalam afidavit sokongan pemohon.

[26] Lembaga Penasihat pula melalui surat bertarikh 30 Oktober 2020 (eksh FWN7 dalam afidavit sokongan pemohon) telah membalas surat pemohon di atas dan memaklumkan bahawa Lembaga Penasihat dalam proses mengeluarkan sapina hanya kepada seorang daripada saksi-saksi polis yang dipohon iaitu Inspektor Polis Govindkumar a/l Sevalingan iaitu pegawai penyiasat fail kes. Manakala bagi baki saksi-saksi lain yang dipohon, pihak Lembaga Penasihat mengarahkan pihak pemohon untuk berhubung dengan Ketua Jabatan bagi saksi-saksi polis dan Jabatan Penjara Malaysia bagi bagi saksi orang tahanan reman.

[27] Walau bagaimanapun, pihak pemohon telah sekali menghantar surat bertarikh 30 Oktober 2020 (eksh FWN8 dalam afidavit sokongan pemohon) mengulangi permohonan bagi pengeluaran sapina terhadap baki empat orang saksi yang dipohon.

[28] Pihak pemohon berhujah bahawa penolakan permohonan pengeluaran sapina kepada baki saksi yang dipohon tersebut adalah bertentangan dengan perkara 5, 8 dan 151 Perlembagaan Persekutuan.

[29] Pihak responden menghujahkan bahawa tiada kehendak prosedur di bawah POCA yang meletakkan kewajipan kepada Lembaga Penasihat untuk mengeluarkan sapina ke atas setiap saksi yang dipohon oleh pemohon di dalam persidangan pendengaran representasi.

[30] Peruntukan peraturan 8A dalam Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat hanya memberikan kuasa dan budi bicara kepada Lembaga Penasihat bagi membolehkan memanggil atau memeriksa mana-mana saksi:

> Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, Lembaga Penasihat *boleh* memanggil dan memeriksa mana-mana saksi, mengendalikan sumpah atau ikrar dan memaksa pengemukaan apa-apa dokumen.

[31] Dalam kes *Lim Wen Jeng v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 1 MLJ 445; [2009] 1 CLJ 686 Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan tentang kesan peruntukan s 9 Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 ('POPOC') tersebut seperti berikut:

> In the present case, s 9 of the Ordinance is quite clear in its provision. I agree with the learned judge that the section is an empowering provision which, subject to disclosure under s 11 of facts or production of documents which are against the national interest to disclosure or produce (see also art 151(3) of the Constitution), confers powers on the board to summon witnesses and compel the production of documents. By its terms, s 9 (unlike r 3(2) of the Public Order and Prevention of Crime (Procedure) Rules 1972 which requires service of certain number of copies of Form 1 as ruled in Punaveswaran, supra, as a mandatory requirement), *is not a mandatory procedural requirement that the board can be compelled to exercise the power of summoning the witnesses as required by the appellant. If the appellant* wishes to examine any witnesses he should make them available at the hearing and no obligation can be cast on the board to summon them.

[32] Peraturan 8A Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat tersebut mempunyai persamaan (walaupun bukannya in pari materia) dengan peruntukan s 9 POPOC yang memperuntukkan seperti berikut:

> Every Advisory Board *shall*, for the purposes of this Ordinance, but subject to the provision of section 11, have all the powers of a Court for the summoning and examination of witnesses, the administration of oath or affirmations, and for compelling the production of documents.

Manakala peraturan 8A Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat memperuntukkan seperti berikut:

Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, Lembaga Penasihat *boleh* memanggil dan memeriksa mana-mana saksi, mengendalikan sumpah atau ikrar dan memaksa pengemukaan apa-apa dokumen.

[33] Berdasarkan prinsip yang digariskan dalam otoriti di atas, adalah jelas bahawa *peraturan 8A juga tidak mewujudkan suatu prosedur mandatori* ke atas Lembaga Penasihat untuk mengeluarkan sapina kepada mana-mana saksi yang dipohon oleh pemohon tetapi adalah menjadi tugas pemohon sendiri untuk memastikan kehadiran saksi yang ingin dipanggil oleh pemohon. Seperti mana yang dinyatakan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors*, 'If there is no such procedural requirement, then there cannot be non-compliance thereof'.

[34] Seterusnya isu berkaitan dengan hak pemohon untuk membuat representasi menurut peruntukan perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Pihak pemohon menghujahkan bahawa penolakan permohonan pengeluaran sapina oleh Lembaga Penasihat telah melanggar hak pemohon untuk membuat representasi dan seterusnya menafikan hak pemohon mendapatkan 'fair trial'.

[35] Meneliti perenggan 17 afidavit jawapan oleh Zaharuddin bin Osman selaku Setiausaha Lembaga Penasihat, adalah jelas dinyatakan bahawa melalui surat jawapan kepada peguam pemohon bertarikh 30 Oktober 2020 Lembaga Penasihat tiada halangan untuk pihak peguam pemohon untuk mengemukakan saksi lain tetapi segala urusan untuk mengemukakan saksi-saksi tersebut perlulah diuruskan oleh pihak peguam pemohon dengan pihak-pihak yang berkenaan. Lembaga Penasihat hanya mengeluarkan sapina ke atas pegawai penyiasat fail kes sahaja. Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa tidak timbul sama sekali isu perlanggaran hak pemohon untuk membuat representasi menurut perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

[36] Justeru, *mahkamah ini memutuskan bahawa isu penolakan pengeluaran sapina oleh Lembaga Penasihat tersebut bukanlah suatu perlanggaran hak pemohon untuk membuat representasi atau ketidakpatuhan prosedur dan oleh yang demikian alasan tersebut tidak bermerit.*

Isu kelewatan pegawai penyiasat fail kes mengemukakan laporan lengkap menurut s 4A POCA kepada Lembaga Pencegahan Jenayah

[37] Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan tempoh masa 23 hari yang diambil oleh pegawai penyiasat fail kes untuk mengemukakan laporan lengkap di bawah s 4A POCA kepada Lembaga Pencegahan Jenayah yang dikira daripada tarikh tangkapan pada 19 Julai 2020 sehingga tarikh laporan lengkap dikemukakan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah iaitu pada 11 Ogos 2020.

[38] Seksyen 4A POCA memperuntukkan seperti berikut:

> Pegawai polis yang melakukan penyiasatan berkenaan dengan seseorang yang ditahan di bawah subseksyen 3(1) hendaklah menyebabkan suatu salinan laporan yang lengkap mengenai penyiasatan itu dikemukakan kepada seorang Pegawai Siasatan dan Lembaga, dalam tempoh masa sebagaimana yang boleh *ditetapkan* oleh Menteri. (Penekanan ditambah.)

[39] Walau bagaimanapun, sehingga kini Menteri tiada menetapkan (*prescribe*) tempoh masa bagi tujuan tersebut. Dalam ketiadaan perundangan yang menetapkan tempoh masa tersebut, maka peruntukan s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 akan terpakai di mana perkara tersebut hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 'kesegeraan yang sepatutnya' (*convenient speed*):

> Where no time is prescribed within which anything shall be done, that thing *shall be done with all convenient speed* and as often as the prescribed occasion arises.

[40] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 MLJ 351; [2020] 1 CLJ 747, YA Mohd Zawawi Salleh HMS dalam menyampaikan penghakiman tersebut menyatakan dalam para 67–68 seperti berikut:

> [67] Section 5(4) of the Act allows the Minister to prescribe regulations stipulating time but as apparent from the above, the Minister has not done so. We then turned to *s 54(2) of the Interpretation Acts 1948 and 1967* which stipulates that where no time is prescribed within which anything shall be done, that thing shall be done with all *convenient speed* and as often as the prescribed occasion requires. Simply put, for *any matter where time has not by law been prescribed, such matter ought to be completed as soon as practicable and without inordinate delay*.
>
> [68] As the burden to prove the detention was lawful lies on the detaining authority, whether the report was completed with convenient speed or without inordinate delay remains the matter for the detaining authority ie. the respondents, to establish. It is trite that *where there is delay on the part of the respondents to complete the report with 'convenient speed', it is incumbent upon the respondents to discharge the burden of proffering a satisfactory explanation for the delay*. Thus, as we have alluded to earlier, if there is no explanation given, the court will assume that there are no reasons.

[41] Di dalam kes ini, Pegawai Penyiasat kes fail dalam afidavit jawapan Inspektor Polis Govindkumar a/l Sevalingam telah menjelaskan di perenggan 12 hingga 15 mengenai tempoh masa 17 hari yang telah diambil untuk mengemukakan laporan lengkap kepada pegawai siasatan dan tempoh masa enam hari lagi untuk mengemukakannya kepada Lembaga Pencegahan Jenayah.

[42] Berdasarkan kepada alasan serta penjelasan yang diberikan, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati bahawa tempoh masa 23 hari yang diambil bagi mengemukakan laporan lengkap kepada Lembaga Pencegahan Jenayah tersebut bukanlah merupakan kelewatan yang melampau (*inordinate delay*) di mana penjelasan yang mencukupi (*satisfactory explanation*) telah diberikan sewajarnya.

[43] Walaupun dalam kes *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa tempoh masa 21 hari yang diambil sebagai 'inordinate and not with convenient speed', mahkamah ini membezakan kes tersebut dengan fakta kes di hadapan mahkamah ini. Kelewatan di dalam kes tersebut adalah kerana tempoh masa 21 hari yang telah diambil oleh pegawai siasatan untuk melaksanakan siasatannya tanpa alasan dan penjelasan diberikan yang mana berbeza dengan kes dalam mahkamah ini iaitu tempoh masa 23 hari yang telah diambil bagi mengemukakan laporan lengkap kepada Lembaga Pencegahan Jenayah serta dengan penjelasan dan alasan yang telah diberikan. Malahan laporan lengkap yang sama juga telah pun dikemukakan kepada pegawai siasatan lebih awal lagi iaitu pada 5 Ogos 2020.

[44] Justeru, *mahkamah ini mendapati bahawa isu kelewatan 23 hari untuk mengemukakan laporan lengkap oleh pegawai penyiasat fail kes kepada Lembaga Pencegahan Jenayah adalah tidak mempunyai merit.*

Isu ketidakpatuhan prosedur apabila Lembaga Penasihat membenarkan kehadiran pegawai pengendali polis semasa persidangan pendengaran representasi Pemohon

[45] Pemohon dalam afidavitnya di perenggan 31 telah mendakwa terdapat ketidakpatuhan prosedur terhadap peraturan 5(4) Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat apabila Lembaga Penasihat telah dibantu oleh seorang pegawai pengendali polis dalam persidangan pendengaran representasi pemohon pada 2 November 2020.

[46] Pengataan pemohon tersebut telah tidak dinafikan oleh pihak responden. Malahan melalui afidavit jawapan oleh Zaharuddin bin Osman selaku Setiausaha Lembaga Penasihat di perenggan 18 telah mengatakan bahawa kehadiran pegawai pengendali polis iaitu Asisten Superintenden Polis Yasmeen bt Mohd Yunos adalah *di atas arahan Lembaga Penasihat bagi tujuan membentangkan fakta-fakta kes dengan merujuk kepada kenyataan-kenyataan bertulis saksi-saksi.*

[47] Afidavit jawapan oleh Lans Koperal Detektif Adrian Ooi Kien Yuen pula mengatakan bahawa beliau turut hadir semasa persidangan pendengaran representasi pemohon pada 2 November 2020 dan ditugaskan sebagai *pemudah cara* sepanjang persidangan tersebut. Beliau ditugaskan bagi membaca pernyataan mengenai alasan perintah tahanan tersebut serta pengataan-pengataan fakta yang menjadi asas perintah tahanan tersebut.

[48] Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa sesuatu Lembaga Penasihat hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua orang ahli yang lain.

[49] Seterusnya peraturan 7 Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat memperuntukkan dengan jelas bahawa sesuatu *prosiding di hadapan Lembaga Penasihat hendaklah diadakan secara tertutup* (*in camera*).

[50] Oleh yang demikian, persoalan yang timbul ialah siapakah yang boleh hadir dalam sesuatu persidangan tertutup Lembaga Penasihat tersebut? Bagi maksud tersebut, diperturunkan keseluruhan peraturan 5 Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat yang memperuntukkan seperti berikut:

> 5 Pendengaran representasi.
>
> (1) Apabila apa-apa representasi diterima oleh Setiausaha, Pengerusi hendaklah menetapkan suatu masa dan tempat bagi pendengaran representasi itu oleh Lembaga Penasihat dan hendaklah menyebabkan suatu notis dalam Borang 2 Jadual diserahkan kepada orang tahanan.
>
> (2) Pada masa dan tempat yang ditetapkan bagi pendengaran representasi, *orang tahanan boleh hadir secara sendiri atau dengan peguam belanya* atau dengan diwakili oleh peguam belanya, di hadapan Lembaga Penasihat.
>
> (3) Orang tahanan atau peguam belanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menyampaikan kata-kata kepada Lembaga Penasihat secara lisan untuk menguatkan atau meluaskan alasan atau sebab yang diberikan dalam Borang 1.
>
> (4) *Pendakwa Raya boleh hadir semasa pendengaran representasi untuk membantu Lembaga Penasihat.*
>
> (5) Lembaga Penasihat boleh —
>
> (a) jika orang tahanan atau peguam belanya hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan untuk pendengaran representasi, meneruskan untuk menimbangkan dan memutuskan representasi itu selepas mendengar kata-kata yang disampaikan oleh orang tahanan itu atau peguam belanya; atau
>
> (b) jika orang tahanan atau peguam belanya tidak hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan untuk pendengaran representasi, meneruskan untuk menimbangkan dan memutuskan representasi

itu tanpa kehadiran orang tahanan itu atau peguam belanya. A

[51] Selain daripada peruntukan tersebut di atas, peraturan 9(2)(b) Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat juga memperuntukkan kuasa budi bicara Lembaga Penasihat untuk menentukan sama ada mana-mana pegawai polis patut dikehendaki hadir di hadapan Lembaga Penasihat dengan kehadiran orang tahanan atau peguam belanya atau kedua-duanya. *Namun demikian, kuasa budi bicara untuk menghendaki kehadiran pegawai polis tersebut setelah mengambil kira pertimbangan mengenai keselamatan, kepentingan awam atau keperluan untuk melindungi seseorang saksi, keluarga atau sekutu saksi tersebut*. B C

[52] Perenggan 18 afidavit jawapan oleh Zaharuddin bin Osman hanya menyatakan kehadiran ASP Yasmeen binti Mohd Yunus adalah atas arahan Lembaga Penasihat bagi tujuan membentangkan fakta kes dengan merujuk kepada kenyataan-kenyataan bertulis saksi-saksi. Malahan *tiada afidavit jawapan yang difailkan oleh ASP Yasmeen binti Mohd Yunus sendiri yang menerangkan peranan serta tugasan sebenar beliau dalam persidangan tersebut, selain daripada peranan dan tugasan bagi membentangkan fakta kes yang mana itu boleh dijalankan oleh Zaharuddin bin Osman selaku Setiausaha Lembaga Penasihat atau Lans Koperal Detektif Adrian Ooi Kien Yuen selaku 'pemudah cara'*. D E

[53] Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati kehadiran ASP Yasmeen binti Mohd Yunus dalam persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon tersebut yang diadakan secara tertutup (*in camera*) tidak termasuk di bawah mana-mana peruntukan spesifik (peraturan 5(2) atau 5(4) Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat) tentang siapa yang boleh hadir hadir dalam persidangan tersebut atau sesiapa lain yang boleh hadir atas kuasa budi bicara Lembaga Penasihat (peraturan 9(2)(b) Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat). F G

[54] Justeru, mahkamah ini mendapati kehadiran seorang pegawai polis (ASP Yasmeen bt Mohd Yunus) selaku pegawai pengendali dalam persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon telah mewujudkan suatu prosedur yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan undang-undang sedia ada. Maka *mahkamah ini memutuskan isu ketidakpatuhan prosedur apabila Lembaga Penasihat membenarkan kehadiran seorang pegawai pengendali polis dalam persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon adalah mempunyai merit.* H I

Isu perlanggaran perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan apabila pemohon gagal dibekalkan Salinan Rakaman Percakapan Pemohon sebelum pendengaran representasi

[55] Pemohon berhujah bahawa pemohon hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi dan berhak untuk mendapatkan sesalinan rakaman percakapan beliau berdasarkan peruntukan perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

> the authority on whose order any person is detained under that law or ordinance shall, as soon as may be, inform him of the grounds of his detention and, subject to clause (3), the allegations of fact, on which the order is based, and *shall give him the opportunity of making representations* against the order as soon as may be;

[56] Pemohon telah memohon melalui surat peguambelanya bertarikh 14 September 2020 (eksh FWN2 dalam afidavit sokongan pemohon) kepada Ketua Penolong Pengarah Bahagian D14, Jabatan Siasatan Jenayah, Bukin Aman supaya dibekalkan dengan sesalinan rakaman percakapan pemohon bagi tujuan membuat persediaan untuk pendengaran representasi. Namun permohonan tersebut telah ditolak melalui surat bertarikh 25 September 2020 atas *alasan bagi mengelakkan sebarang pendedahan yang boleh menjejaskan kepentingan awam* (eksh FWN3 dalam afidavit sokongan pemohon).

[57] Peguam pemohon sekali lagi telah memohon yang sama dengan alasan lebih kukuh melalui surat bertarikh 28 Oktober 2020 (eksh FWN4). Namun ditolak juga seperti mana surat bertarikh 9 November 2020 dengan *alasan terikat dengan peruntukan s 21A POCA demi menjaga kepentingan awam dan pelindungan saksi (eksh FWN5).*

[58] Perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak asasi pemohon bagi membuat representasi terhadap perintah tahanan yang dikenakan ke atas beliau di bawah undang-undang yang diperbuat oleh Parlimen menurut perkara 149 Perlembagaan Persekutuan atau secara khususnya dalam kes ini, POCA.

[59] Malahan peraturan 3, 4 dan 5 Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat memperuntukkan secara nyata peruntukan tentang tatacara, bentuk dan pendengaran representasi. Peraturan 4 memperuntukkan bahawa apa-apa representasi terhadap sesuatu perintah tahanan hendaklah secara bertulis dalam Borang 1. Manakala peraturan 5 pula memperuntukkan bahawa semasa persidangan Lembaga Penasihat untuk mendengar representasi, seseorang orang tahanan itu boleh menyampaikan kata-kata secara lisan oleh dirinya sendiri atau diwakili oleh peguam belanya. Secara tidak langsung menunjukkan representasi juga boleh dibuat secara lisan semasa persidangan Lembaga Penasihat. Malahan sekiranya representasi secara lisan akan dilakukan oleh peguam belanya, maka pastilah seseorang peguam bela itu perlu membuat persediaan yang lebih mendalam dan tidak hanya bergantung kepada representasi dalam Borang 1. Oleh yang demikian, adalah wajar

pemohon atau peguam belanya dibekalkan dengan sesalinan rakaman percakapan pemohon sendiri.

[60] Mahkamah ini mendapati penolakan permohonan pemohon supaya dibekalkan dengan sesalinan rakaman percakapannya sendiri atas alasan boleh menjejaskan kepentingan awam atau suatu kompromi ke atas perlindungan saksi di bawah s 21A POCA adalah tidak munasabah dan suatu retorik. Tiada penjelasan yang diberikan dalam mana-mana afidavit jawapan pihak Responden bagi memperkukuhkan alasan tersebut.

[61] Oleh yang demikian, setelah mengambil kira peruntukan perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan peraturan 5 Peraturan Tatacara Lembaga Penasihat, *mahkamah ini merumuskan bahawa kegagalan membekalkan sesalinan rakaman percakapan pemohon sebagai suatu perlanggaran prosedur yang membenarkan pemohon membuat representasi secara teratur dan isu ini mempunyai merit.*

KESIMPULAN

[62] Berdasarkan dapatan (*finding*) dan alasan yang dinyatakan di atas, walaupun mahkamah ini mendapati hanya dua isu yang mempunyai merit, namun ia sudah memadai bagi *mahkamah ini memutuskan bagi membenarkan permohonan pemohon untuk satu writ habeas corpus dikeluarkan dan pemohon dilepaskan serta merta.*

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju